



Untuk Terbitan Media

30 April 2024

SIARAN MEDIA

KADAR KETIDAKPADANAN PEKERJAAN GRADUAN CATAT PENURUNAN SIGNIFIKAN

ALERT: KARNIVAL KERJAYA TAWAR HAMPIR 10,000 PELUANG PEKERJAAN

PUTRAJAYA: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mencatatkan penurunan kadar ketidakpadanan pekerjaan graduan yang signifikan kepada 18.2 peratus untuk tahun 2023 berbanding 40.5 peratus pada tahun sebelumnya.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi PERKESO mengumumkan penurunan sebanyak 22.3 peratus bagi graduan ditempatkan dalam kumpulan pekerjaan separa mahir dan berkemahiran rendah adalah hasil inisiatif berterusan agensi melalui Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan dengan sokongan Portal Pekerjaan Negara MYFutureJobs dalam usaha menempatkan graduan di kumpulan pekerjaan berkemahiran tinggi.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Abdul Rahman Haji Mohamad memberitahu pelbagai inisiatif dilakukan termasuk program intervensi awal ke arah kerjaya di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menerusi penubuhan Pusat Satelit MYFutureJobs di IPT dan pengajuran Program *Career Launchpad* (CLP) bagi memacu kebolehpasaran graduan sebelum mereka memasuki alam pekerjaan.

"PERKESO turut memperluas fungsi Portal MYFutureJobs dengan menawarkan jawatan kosong bagi tujuan latihan industri untuk membantu pelajar mendapat penempatan dan sejak 2023 hingga Mac lalu, sebanyak 64,836 kekosongan jawatan untuk latihan industri telah ditawarkan," ujar beliau.

KESUMA terus memanifestasikan keberhasilannya melalui inisiatif yang holistik serta inklusif bagi memperkasakan pasaran buruh negara dalam rangka memerangi masalah pengangguran, yang memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran, penempatan pekerja, penyediaan bantuan kewangan segera dan lain-lain.

Menurut Abdul Rahman, berdasarkan perangkaan PERKESO bagi tempoh 2018 hingga suku pertama 2024, seramai 259,754 pekerja telah diluluskan untuk menerima bantuan kewangan segera melalui Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) dengan 80,521 pekerja yang kehilangan pekerjaan telah kembali ke alam pekerjaan serta 19,149 individu layak menghadiri latihan vokasional.

“Manakala bagi program *Return To Work* (RTW) yang dilaksanakan oleh PERKESO bagi membantu peserta yang cedera atau menghidapi penyakit untuk pulih dan kembali bekerja seramai 56,698 peserta telah kembali bekerja sejak 2017 hingga suku pertama 2024.

“Sementara itu sehingga minggu pertama April 2024, seramai 11,101 personel Program *Malaysia Short-Term Employment Programme* (MySTEP) bertujuan untuk mengintegrasikan kumpulan sasaran ke dalam sektor awam, syarikat milik kerajaan (GLC), dan syarikat pelaburan kerajaan (GLIC) melalui penawaran pekerjaan jangka pendek telah mendapat pekerjaan sejak inisiatif ini diletakkan di bawah tanggungjawab KESUMA menerusi PERKESO pada Disember tahun lalu,” jelas beliau lagi.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama pada Karnival Kerjaya sempena Hari Pekerja 2024 yang berlangsung di Putrajaya *International Convention Centre* (PICC) serta di 54 pejabat PERKESO seluruh negara selama dua hari bermula 30 April dan 1 Mei dengan penawaran hampir 10,000 peluang pekerjaan daripada 130 majikan terkemuka negara.

Terdahulu dalam Belanjawan 2024, kerajaan telah memperuntukkan RM35 juta untuk Program Bina Kerjaya 2.0 dengan 5,447 permohonan diterima setakat minggu pertama April lalu dan seramai 2,525 permohonan individu diluluskan untuk menghadiri latihan yang menawarkan kursus latihan untuk meningkatkan kemahiran melalui pengajian microcredential, pensijilan profesional, dan kompetensi dengan pembiayaan sehingga RM4,000, disertai dengan elauan kepada peserta.

Sementara itu, bagi Program Daya Kerjaya 2.0 yang diperkenalkan bagi memberi insentif penggajian kepada majikan di sektor swasta dan GLC/GLIC untuk menggaji golongan yang lama menganggur dan golongan mudah terjejas seperti orang asli, wanita, OKU, miskin tegar, individu diparol, bekas banduan, serta golongan TVET itu telah menerima sebanyak 1,014 permohonan majikan dengan penglibatan 1,741 pekerja mereka dengan 862 majikan telah menerima manfaat untuk 1,447 pekerja untuk tempoh sama.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*no one left behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

30 April 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my